

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN  
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN  
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA  
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526



LAMAN WEB: [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

**PENGARANG, MEJA BERITA**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

### **KENYATAAN MEDIA**

#### **EAIC SIASAT SERTA MERTA**


#### **KES KEMATIAN TAHANAN DI LOKAP IBU PEJABAT POLIS SEBERANG PERAI TENGAH, BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG**

Putrajaya 26 Mei 2017 – Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan atau *Enforcement Agency Integrity Commission* (EAIC) telah memulakan siasatan pada 25 Mei 2017 ke atas kematian Mohd Izhar bin Abdul Rahman di Lokap Ibu Pejabat Polis (IPD) Seberang Perai Tengah, Bukit Mertajam, Pulau Pinang pada 27 April 2017.

Bagi tujuan tersebut, EAIC telah membentuk satu pasukan pegawai penyiasat bagi menjalankan siasatan ke atas kes kematian tersebut selaras dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 (Akta 700).

Skop dan terma rujukan siasatan EAIC adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengenal pasti sama ada terdapat sebarang salah laku seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 24 Akta 700, termasuk perlakuan yang bersifat jenayah oleh pegawai PDRM semasa mengendalikan tahanan dan berkaitan kematian tahanan tersebut; dan




- ii. Sekiranya terdapat salah laku dizahirkan, untuk menentukan dan mengenal pasti:
- a) bagaimana dan mengapa salah laku itu terjadi;
  - b) apakah peruntukan undang-undang, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, *Standard Operating Procedures* (SOP) dan arahan-arahan tetap yang berkaitan dengan pengurusan dan pengendalian orang tahanan yang telah dipecahi; dan
  - c) individu yang bertanggungjawab ke atas salah laku atau perlakuan jenayah tersebut.

EAIC amat memandang serius kejadian ini susulan daripada kematian tahanan Soh Kai Chiok di IPD Bera, Pahang pada 18 Januari 2017, kematian tahanan S. Balamurugan di IPD Klang Utara pada 8 Februari 2017, dan kematian tahanan Thanaseelan a/l Muniandy di Lokap Balai Polis Sentosa, Hulu Selangor, Selangor pada 25 Februari 2017.

Di dalam pada itu EAIC juga telah mula menjalankan siasatan kematian dalam tahanan yang melibatkan tahanan bernama M. Segar a/l Mahalingam di Lokap Ibu IPD Port Dickson, Negeri Sembilan pada 19 April 2017 dan tahanan bernama Partiban a/l Karunanithi yang mati pada 21 Mei 2017 di Hospital Besar Melaka semasa berada di bawah tahanan pihak Polis Diraja Malaysia.

EAIC ingin menyeru kepada semua pegawai dan anggota PDRM supaya memberi perhatian dan mengambil panduan serta kepatuhan kepada SOP Pengurusan Lokap PDRM yang telah dikeluarkan oleh Urusetia Jabatan Pengurusan PDRM Bukit Aman pada 1 Julai 2014 yang memperuntukkan



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**  
**ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN**  
**PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2**  
**62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA**  
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526



LAMAN WEB: [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

dengan komprehensif dalam hal berkaitan pengurusan lokap-lokap PDRM dan pengendalian orang tahanan di lokap-lokap PDRM. EAIC berasa amat terkilan dengan berulangnya kejadian kematian orang tahanan yang masih berlaku. Kejadian kematian orang tahanan semasa berada di lokap hendaklah dielakkan daripada berterusan berlaku.

***-TAMAT-***

**DATUK YAACOB BIN HAJI MD. SAM**

Pengerusi  
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)

26 Mei 2017